

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI Dr. WAN AZIZAH BT WAN ISMAIL
(TAIPING)**

TARIKH : 25 MEI 2016 (RABU)

NO. SOALAN :

Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa SUHAKAM telah mengadakan Inkuiri Nasional (National Inquiry) mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli pada 2010-2012 dan telah mengeluarkan 18 syor, apakah tindakan Kerajaan terhadap syor-syor tersebut.

JAWAPAN: YB DATUK PAUL LOW SENG KUAN

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan Inkuiri Nasional tersebut yang mengandungi 18 syor telah dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Jun 2015. Lanjutan daripada mesyuarat tersebut, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan 17 syor sahaja dimana syor berkenaan penubuhan satu Suruhanjaya Kebangsaan berkaitan Orang

Asal/Asli yang bebas telah ditolak. Jemaah Menteri juga telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri untuk memastikan syor dan dapatan Pasukan Petugas tersebut dilaksanakan mengikut jangka masa yang ditetapkan. Mesyuarat pertama Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut telah diadakan pada 7 April 2016 yang mana Bahagian Integriti dan Tadbir Urus, Jabatan Perdana Menteri (BITU, JPM) bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa tersebut.

Maklumbalas yang diterima daripada Kerajaan-Kerajaan Negeri mendapati bahawa syor-syor SUHAKAM telah dilaksanakan di peringkat negeri masing-masing dan baki 6 isu utama yang memerlukan tindakan lanjut iaitu:-

- a) Pelaksanaan pewartaan tanah Orang Asli di bawah Seksyen 6 dan 7 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134);
- b) Pewujudan garis panduan mengenai tahap keterlibatan Orang Asal/Asli dalam agenda pembangunan;
- c) Penstrukturan semula Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA);
- d) Penambahbaikan Modul Latihan bagi memastikan pegawai-pegawai mahir dalam urusan hal ehwal tanah orang asal/asli;
- e) Pelaksanaan kajian Tanah Pegangan Adat; dan
- f) Mengkaji keperluan akses kepada khidmat bantuan guaman kepada orang asal/asli.

BITU, JPM juga telah membentangkan rumusan 6 tindakan lanjut tersebut di Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang telah diadakan pada 10 Mei 2016.

Sekian, terima kasih.